

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 8 SEPTEMBER 2021

AKHBAR : BERITA HARIAN

# Malaysia beri keutamaan lonjak semula ekonomi

Malaysia meletakkan keutamaan untuk membangunkan kembali ekonominya selain menempatkan negara pada kedudukan yang lebih kukuh dengan ekonomi yang lebih kompetitif, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, cabaran yang dihadapi negara sejak 18 bulan lalu turut memberikan peluang kepada kerajaan untuk mengkaji semula dasar dan strateginya.

Mustapa seterusnya menyenaraikan beberapa keutamaan kerajaan dalam tempoh 10 tahun akan datang termasuk meningkatkan pendapatan, menghapuskan kemiskinan mutlak dan mengurangkan jurang pembangunan antara negeri dan wilayah serta memastikan pertumbuhan berkualiti yang mampan, iaitu pertumbuhan tanpa menjejaskan persekitaran.

"Keutamaan lain adalah mewujudkan persekitaran da-

sar yang kondusif untuk sektor swasta, pelabur tempatan dan asing; pertumbuhan dan pembangunan yang inklusif serta menghasilkan lebih banyak perpaduan dan penyatuan dalam konteks Keluarga Malaysia; dan memastikan bahawa mekanisme penyampaian kerajaan ditingkatkan untuk memenuhi matlamat pembangunan kita," katanya dalam ucapan tama di webinar bertajuk 'Rancangan Malaysia Ke-12: Membangunkan

Negara dalam Semangat Keluarga Malaysia' semalam.

Mustapa berkata, Unit Perancang Ekonomi melibatkan diri secara aktif dengan pelbagai pihak berkepentingan dari seawal April 2019 dalam menyiapkan RMK-12, yang akan dibentangkan pada 27 September ini.

"Seperti rancangan lima tahun sebelumnya, RMK-12 akan memberikan trajektori menyeluruh agenda pembangunan kerajaan.

"Ia menyediakan petunjuk arah kepada agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, pelabur dan masyarakat secara umum mengenai keseluruhan hala tuju kerajaan Malaysia," jelasnya.

Mustapa berkata, kerajaan kekal komited untuk memastikan dasarnya sentiasa mengambil kira keperluan memulihara kekayaan kepelbagaian bio negara demi kepentingan generasi akan datang. **BERNAMA**